



Mengukur Bearing Sudutan pada Peta Menggunakan Jangka Sudut

Contoh 1


Mengukur bearing sudutan Pekan Aman dari Kampung Jati




Kenal pasti titik rujukan, iaitu titik bacaan bearing sudutan ditentukan (Kampung Jati).




Lukis garisan lurus utara-selatan tepat di lokasi titik rujukan (Kampung Jati).



Lukis garisan lurus dari Kampung Jati ke Pekan Aman.



Letak jangka sudut tepat pada garisan lurus utara-selatan di Kampung Jati.




Baca bearing sudutan pada jangka sudut (mengikut pusingan jam).

Bearing sudutan
Pekan Aman dari
Kampung Jati ialah
120°.




Contoh 2


Mengukur bearing sudutan Kampung Maju dari masjid




Kenal pasti titik rujukan, iaitu titik bacaan bearing sudutan ditentukan (masjid).




Lukis garisan lurus utara-selatan tepat di lokasi titik rujukan (masjid).



Lukis garisan lurus dari masjid ke Kampung Maju.



Letak jangka sudut tepat di sebelah barat garisan lurus utara-selatan di masjid.



Baca bearing sudutan pada jangka sudut.

